

Sarkina Bt Mat Saad @ Shaari

From: UUM CORPORATE COMM.
Sent: Khamis, 19 November 2020 10:39 pg
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Cc: Staf - Pesara UUM
Subject: KURSUS KERJASAMA UUM DAN PKNK MANTAPKAN KEMAHIRAN PENGURUSAN KEWANGAN



UUM Corporate Comm.
Universiti Utara Malaysia

19 NOVEMBER 2020 / 3 RABIULAKHIR 1442H

=====

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

Oleh: Hasliza Hassan

Gambar oleh: Abdul Halim Husain dan SEFB

KURSUS KERJASAMA UUM DAN PKNK MANTAPKAN KEMAHIRAN PENGURUSAN KEWANGAN



UUM ONLINE: Yan – Penganjuran Kursus Company's Performance and Investment Analysis dilihat dapat memantapkan kemahiran pengurusan kewangan agensi kerajaan di Negeri Kedah.

Kursus selama dua hari anjuran Perbadanan Kemajuan Negeri Kedah (PKNK) bersama Kerajaan Negeri Kedah dan Pusat Pengajian Ekonomi, Kewangan dan Perbankan (SEFB) telah dirasmikan Timbalan Setiausaha Kerajaan Negeri Kedah (Pengurusan), Dato' Syed Shaharuddin Abdullah yang mewakili Setiausaha Kerajaan Negeri Kedah.

Persidangan dimulakan dengan ucap tama Ketua Pegawai Eksekutif, PKNK, Dato' Abdul Rahman Abdullah, diikuti Dekan SEFB, Prof. Dr. Russayani Ismail.

Prof. Dr. Russayani berkata, Kursus Company's Performance and Investment Analysis itu mendedahkan peserta kepada kaedah-kaedah untuk menilai kedudukan kewangan syarikat bagi mengelak daripada tekanan kewangan dan situasi kebangkrutan.

Selain itu, menurutnya, pendedahan juga diberikan tentang kaedah dalam memilih pelaburan belanjawan modal bagi memaksimumkan nilai syarikat.

"Kursus yang julung kali diadakan oleh Bahagian Pelaburan PKNK itu menunjukkan kerjasama strategik yang memberi satu impak besar dan perlu diteruskan pada masa akan datang bagi memantapkan kemahiran pengurusan kewangan oleh agensi-agensi kerajaan dalam Negeri Kedah.

"Ini selaras dengan aspirasi kerajaan negeri untuk meningkatkan perkhidmatan awam di samping untuk merealisasikan pembangunan Negeri Kedah demi kesejahteraan rakyat," katanya.

Kursus berakhir dengan majlis penutup dan penyampaian cenderahati kepada penceramah, Prof. Dr. Nur Adiana Hiau Abdullah dan sijil penyertaan oleh Ketua Pegawai Operasi PKNK, Syed Yusoff Syed Othman.

Sementara itu, Syed Yusoff berkata, beliau berharap semua peserta dapat mengaplikasikan pengetahuan yang diterima bagi meningkatkan nilai syarikat dan mengukuhkan kedudukan kewangan syarikat masing-masing.

Menurutnya, beliau juga berharap agar jaringan kerjasama di antara PKNK, Kerajaan Negeri Kedah dan UUM akan diteruskan untuk manfaat bersama pada masa hadapan.

Seramai 54 peserta terdiri pengurusan tertinggi dan pengurusan kanan syarikat berkaitan kerajaan Negeri (GLC) serta Kumpulan PKNK dan anak syarikat kerajaan Negeri Kedah telah mengikuti kursus tersebut.



 Please consider the environment before printing this e-mail



Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.